

Program forum bicara santai: Mantapkan Motivasi Cetuskan Inovasi

UB 11.06.2021 P. 06

KOTA KINABALU: JAKMAS Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher, Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini bekerjasama dengan Kelab Pewaris, Universiti Malaya (UM) dan Kelab Penyiaran, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menganjurkan sebuah program iaitu Forum Bicara Santai: Mantapkan Motivasi Cetuskan Inovasi.

Program ini dianjurkan sebagai suatu usaha bagi meningkatkan semangat dan motivasi di kalangan mahasiswa di dalam menghadapi suasana norma baharu khususnya di dalam pengurusan dan pengendalian aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara atas talian.

Pengarah Program forum ini, Mardziah Yusoff, menyatakan penganjuran program ini dilihat bertepatan di ketika mahasiswa di semua Universiti Awam dan Institusi Pengajian Swasta sedang mengalami suatu pembudayaan amalan baru



BICARA SANTAI: Barisan Panel dan Moderator yang menjayakan Program Forum Bicara Santai.

iaitu PdP secara atas talian pada ketika pandemik COVID-19 sedang melanda di seluruh negara.

Timbalan Naib Canselor HEPA UMS, Prof Madya Dr Raman Noordin turut memuji dan menggalakan mahasiswa menganjurkan program melalui platform dalam talian di dalam mende-pani amalan norma baharu pada ketika ini.

Program ini telah melibatkan tiga panel iaitu Dr

Mohd Arsad Johanis (UniMAP), Puan Nurul Fatiha Firdaus Roslan (UMS) dan Nur Wafa Amira Hisamudin serta moderator iaitu Nurul Aida Mazlan.

Program ini juga turut dihadiri oleh Pengetua Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher, Wijaya Kamal Ramlan bersama-sama dengan barisan Pengurusan dan Pentadbiran Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher, Universiti Malaysia Sabah.